

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : LISAN
- DARIPADA** : Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]
- TARIKH** : 17 Mac 2014 (Isnin)
- SOALAN** : Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menjadikan Labuan sebagai pusat pendaratan ikan tuna dan pusat ikan sangkar bagi mengambil kesempatan ke atas pesawat kargo udara yang kosong dari Labuan ke destinasi lain selepas ia membawa masuk kargo-kargo keperluan industri minyak dan gas ke Labuan. Untuk makluman ada sembilan (9) pesawat kargo udara berjadual setiap minggu ke Labuan.
- JAWAPAN** : Oleh Y.B. **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian memang mempunyai perancangan menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pusat pelabuhan ikan tuna dan penternakan ikan dalam sangkar. Walau bagaimanapun, pengusaha ikan sangkar lebih tertumpu kepada kawasan tanah besar Sabah disebabkan oleh faktor kos pengeluaran dan lain-lain kos. Pengeluaran hasil ternakan ikan sangkar di Wilayah Persekutuan Labuan adalah berjumlah 3 metrik tan setahun. Pada masa ini, sejumlah 8 bot jongkong tuna, 18 buah sampan kecil tuna dan 2 buah vesel Pukat Jerut Tuna telah dilesenkan di Wilayah Persekutuan Labuan dan telah melibatkan seramai 70 orang nelayan. Kementerian telah membina sebuah pelabuhan pendaratan ikan bernilai RM8 juta yang boleh digunakan di Kampung Kiamsam. Kementerian juga telah melancarkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna (2012-2020) bagi membangunkan indsutri tuna di negara ini.